

Tun Abdullah terima anugerah Ijazah Kehormat UPM

SERDANG - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi semalam, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) atas usahanya memartabatkan sektor pertanian.

Canselor UPM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikannya anugerah itu pada majlis konvokesyen UPM ke-33, di sini.

Dalam ucapannya, baginda bertitah, sumbangan Abdullah dalam pembangunan negara dalam memartabatkan sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi merupakan satu pandangan berwawasan.

"Pengiktirafan kerajaan kepada UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian semasa di bawah kepimpinan Tun, merupakan antara bukti kesungguhan Tun Abdullah," titah baginda.

Dalam ucapannya pula, Abdullah berharap dapat melihat lebih banyak syarikat besar menceburi sektor dan subsektor pertanian.

"Kita perlu menjalankan pertanian besar-besaran dan komersial. Jika hanya berpuas hati hasil penanaman



● Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian kepada Tun Abdullah (kanan) pada Majlis Konvokesyen Ke-33 UPM di sini, semalam.

kebun kecil sahaja, kita tidak akan mencapai kejayaan," katanya.

Abdullah berkata, sektor pertanian bukan sahaja mencipta sumber pendapatan dan kekayaan baru, tetapi juga adalah cara yang terbaik untuk meningkatkan tahap kehidupan golongan miskin serta menggalakkan penduduk desa tinggal di kawasan asal tanpa berhijrah ke bandar.

"Kita perlu menghidupkan sektor ini (pertanian) dengan menggalakkan penglibatan orang muda di samping menyuntik semangat baru serta menjana pemikiran dan paradigma baru berkaitan pertanian," katanya. - Bernama